

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIHAN JOK**

**TARIKH : 28 APRIL 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 56**

**Datuk Lihan Jok** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah rancangan untuk menaik taraf jalur lebar yang digunakan di luar bandar Sarawak supaya mudah dan laju digunakan dan nyatakan jumlah menara yang sedang dibina di Sarawak.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan dan menaik taraf kemudahan jalur lebar di negeri Sarawak, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Telekom Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif baharu di negeri Sarawak seperti berikut :

- (i) Ibu sawat di pinggir bandar di naik taraf melalui projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) bagi meningkatkan kelajuan Internet yang melibatkan 38,696 sambungan port dan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2015 hingga tahun 2019;

## SOALAN NO : 56

- (ii) Projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang memperuntukkan sebanyak 448 sambungan port siap dibina dan 141 sambungan port yang masih dalam pelaksanaan;
- (iii) Projek Menaik Taraf Liputan Jalur Lebar Mudah Alih 3G di bawah program Peluasan Liputan Perkhidmatan Selular melibatkan sebanyak 551 lokasi;
- (iv) Penyediaan perkhidmatan *streamyx* sehingga mencecah kelajuan lapan *megabits per second* (8Mbps) serta UniFi sehingga seratus *megabits per second* (100Mbps);
- (v) Pembinaan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) di mana sebanyak 95 buah PI1M telah siap dibina dan 29 buah PI1M masih dalam peringkat pelaksanaan;
- (vi) Penyediaan 1,363 WiFi Komuniti di samping 39 lokasi bagi kemudahan jalur lebar mudah alih LTE; dan
- (vii) Pembinaan 352 buah menara telekomunikasi di negeri Sarawak di mana daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 menara masih dalam pembinaan.